

Sabtu, 26 Oktober 2019 | 7:22pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.
- NSTP/Mohd Fadli Hamzah

5 juta penerima daripada M40 dijangka terima manfaat PSP

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

KULIM: Dianggarkan lima juta penerima termasuk daripada golongan isi rumah berpendapatan pertengahan 40 peratus (M40) akan menerima Program Subsidi Petrol (PSP), tahun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Kementerian Kewangan memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion untuk PSP bagi lapan juta penerima, yang mana pihaknya kini baru mengumpul tiga juta penerima.

"Kita masih membuka pendaftaran kepada B40 serta penerima Skim Bantuan Sara Hidup (BSH), dengan jumlahnya ketika ini adalah tiga juta orang.

“Lap'an tolak tiga, ada lagi lima juta penerima yang perlu kita cari. Ya ini (lima juta penerima) adalah untuk M40 atau kita panggil penerima 'non' BSH.

“Kaedah serta mekanisme itu akan dibincangkan dengan Kementerian Kewangan dan ia akan diselesaikan tahun ini juga,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penerangan Isu Kepenggunaan di Dewan Bandaran Kulim, di sini, petang tadi.

Saifuddin berkata, kaedah awal pengumpulan maklumat M40 yang layak akan menggunakan kaedah portal semakan di laman PSP.

“Sebagai contoh golongan B40 yang kita guna kaedah ini selama seminggu berjaya mengumpul 1.7 juta orang.

“Jadi melalui keberkesanan ini, ditambah M40 lebih ramai menggunakan internet, kita yakin ia lebih mudah untuk mengumpul maklumat dan pendaftaran,” katanya.

Katanya, pendaftaran dan semakan bagi M40 yang layak akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat.

